

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JMG 318 – Pemikiran Geografi

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Bincangkan idea-idea dan tokoh-tokoh tertentu dalam aliran-aliran pemikiran berikut:
 - (a) Wilayah (25 markah)
 - (b) Sains ruangan (25 markah)
 - (c) Humanistik (25 markah)
 - (d) Aliran “awal” interaksi manusia-alam sekitar (25 markah)

2. Sejauh manakah geografi kontemporari boleh dikaitkan dengan pandangan-pandangan awal tentang dunia oleh sarjana-sarjana Yunani dan Romawi? Bincangkan. (100 markah)

3. Telitikan perkembangan aliran tingkahlaku dan nilaikan kekuatan aliran tersebut dalam menjelaskan tentang fenomena manusia di permukaan bumi. (100 markah)

4. (a) Beri takrifan Renaisans dan zaman penyerlahan. (25 markah)
(b) Bincangkan kesan-kesan ke atas dunia barat berikutan dengan kemunculan Renaisans. (75 markah)

5. Sejauh manakah bidang geografi telah beralih ke aliran pascamoden? Bincangkan. (100 markah)